

Persiapan mentitikberatkan aspek keselesaan, keselamatan

UMS sedia sambut penuntut baharu

UM 3.9.2014 26


Oleh **ASSIM HASSAN**
pengarang@utusan.com.my

KOTA KINABALU 2 Sept. - Pelbagai persiapan rapi dilaksanakan Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEP) bagi menyambut kehadiran penuntut baharu bagi sesi akademik 2014/2015.

Timbalan Naib Canselor HEP universiti itu, Prof. Madya Dr. Ismail Ali berkata, antara persiapan yang dititikberatkan ialah daripada aspek keselesaan dan keselamatan di kolej kediaman.

"Ini merupakan keutamaan dan sudah menjadi tanggungjawab HEP bagi menyediakan penempatan yang kondusif," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tambah beliau, minggu suai kenal yang diadakan sejurus pendaftaran kolej juga bakal berjalan lancar melalui gabungan padu kakitangan UMS dengan para pembimbing terdiri dalam kalangan pemimpin mahasiswa.

 Ini merupakan keutamaan dan sudah menjadi tanggungjawab HEP bagi menyediakan penempatan yang kondusif

PROF. MADYA DR. ISMAIL ALI
Timbalan Naib Canselor HEP UMS

Jelasnya, dengan tema *Peneraju Legasi Transformasi*, minggu suai kenal itu dilihat bakal menjadi program yang terbaik selaras dengan sambutan ulang tahun UMS ke-20 tahun ini.

Minggu suai kenal UMS berlangsung seminggu sehingga 7 September ini dengan pelbagai pengisian menarik yang bakal mempersiapkan fizikal dan mental para penuntut baharu supaya meneruskan kecemerlangan.



BEBERAPA petugas (kiri) terdiri daripada mahasiswa dan kakitangan UMS membuat persiapan terakhir untuk majlis Minggu Suai Mesra di UMS, Kota Kinabalu, semalam.